

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2015

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa nilai mata wang ringgit jatuh menjunam dan prestasi Bursa Kuala Lumpur (KLCI) turun 15% pada 2014 yang paling buruk di Asia, sungguhpun ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi memberangsangkan sebanyak 6%. Apakah kadar penurunan RM dan bursa saham berbanding dengan negara-negara Asia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit dan prestasi Bursa Kuala Lumpur (KLCI) sejak September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Secara umumnya, mata wang serantau yang lain, termasuk ringgit Malaysia telah mengalami penyusutan nilai. Begitu juga dengan pasaran saham Malaysia (FBM KLCI) turut dipengaruhi oleh persekitaran luaran yang tidak menentu.

2. Dari sudut mata wang, sejak September 2014 hingga 13 Mei 2015, mata wang serantau yang lain, termasuk ringgit Malaysia telah menyusut nilai antara 1% sehingga 11.2% berbanding dolar AS. Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekor kejatuhan harga minyak mentah dunia.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perkembangan terkini, prestasi mata wang ringgit adalah semakin pulih dan lebih stabil. Malahan, ringgit merupakan antara mata wang yang telah mencatatkan prestasi terbaik berbanding mata wang serantau yang lain sejak April 2015. Ringgit menambah nilai sebanyak 3.1% berbanding dolar AS.

Ringgit juga menambah nilai berbanding semua mata wang serantau antara 0% sehingga 6.8%. Penambahan nilai ringgit adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga minyak mentah global. Nilai ringgit juga turut meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai dolar AS berikutan jangkaan pasaran terhadap penangguhan US Federal Reserve (Fed), dengan izin, untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar. Ini membuktikan bahawa prestasi ringgit juga telah didorong oleh faktor-faktor luaran yang lain.

4. Manakala dari sudut pasaran saham, FBM KLCI terus kekal stabil serta menunjukkan prestasi yang baik dalam keadaan pasaran yang tidak menentu berpunca daripada persekitaran luaran yang mencabar pada tahun 2014. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.7% pada tahun 2013 manakala FBM KLCI pula meningkat sebanyak 11%, dan berjaya mencatat prestasi terbaik di rantau ASEAN dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2014 pula, sungguhpun ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan ekonomi memberangsangkan sebanyak 6%, FBM KLCI telah mencatatkan penurunan sebanyak 6% dalam tempoh yang sama. Oleh itu, hal ini membuktikan bahawa prestasi pertumbuhan indeks pasaran saham

bukan hanya didorong oleh pertumbuhan ekonomi, sebaliknya prestasi tersebut juga dipengaruhi oleh sentimen pasaran dan faktor global lain.

5. FBM KLCI telah mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dalam tempoh separuh pertama 2014 dan terus meningkat serta mencecah rekod tertinggi pada 8 Julai 2014 sebanyak 1,892.65 mata. Walaupun mencapai tahap tertinggi dalam tempoh tersebut, namun pasaran saham Malaysia telah terjejas akibat pengambilan untung dan pelupusan portfolio pelaburan oleh pelabur asing dari pasaran ekuiti serantau, termasuk Malaysia pada separuh kedua 2014. Tambahan pula, pada beberapa bulan terakhir 2014, sentimen pasaran ekuiti domestik telah terjejas, terutamanya disebabkan oleh penurunan harga minyak global dan penyusutan nilai ringgit. Malaysia sebagai ekonomi terbuka juga, tidak terkecuali daripada tertakluk kepada kuasa pasaran akibat sentimen global. Dalam hal ini, kejatuhan harga minyak mentah yang berterusan telah menjejaskan sentimen pasaran dan seterusnya menyebabkan FBM KLCI ditutup lebih rendah berbanding tahun 2013.

6. Sungguhpun begitu, sektor minyak dan gas hanya mewakili 7% daripada jumlah modal pasaran dan pasaran Malaysia juga mempunyai kepelbagaian di dalam sektor ekonomi serta berdaya tahan bagi

menghadapi situasi tersebut. Berdasarkan perkembangan terkini, FBM KLCI telah mencatat rekod tertinggi sejak Januari 2015 iaitu 1,862.80 mata pada 21 April 2015, membuktikan pasaran Malaysia masih berdaya tahan.